

Komitmen kerajaan pastikan masyarakat Orang Asli maju

Orang Asli adalah antara komponen masyarakat Malaysia yang tinggal di seluruh negara kecuali Perlis dan Pulau Pinang. Negeri yang banyak ditemui penempatan masyarakat ini ialah Pahang diikuti Perak dan Kelantan. Terdapat banyak suku masyarakat Orang Asli antaranya Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq.

Tidak dinafikan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) banyak melaksanakan program transformasi terhadap masyarakat Orang Asli kerana ia adalah tugas dan tanggungjawab yang perlu dipikul demi memajukan mereka. Peranan JAKOA dalam mengurus tadbir hal ehwal masyarakat Orang Asli, termasuk melaksanakan program pembangunan infrastruktur, ekonomi, pendidikan, latihan dan kemahiran serta

kebijakan kesihatan Orang Asli akan terus menjadi keutamaan.

Peruntukan besar juga turut diberikan kerajaan bagi memastikan setiap lapisan masyarakat Orang Asli menerima faedah daripada peruntukan berkenaan. Setiap warga kerja JAKOA dari peringkat sokongan hingga pengurusan tertinggi perlu memberikan komitmen penuh dalam melaksanakan dasar dan aktiviti dirancang.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, dalam ucapannya sewaktu menutup Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli 2015 di Negeri Sembilan, merakamkan penghargaan dan terimakasih kepada badan korporat dan swasta kerana sentiasa membantu kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan (KPM) dalam mengangkat martabat pendid-

kan negara, terutama pendidikan murid Orang Asli agar seiring dengan arus perdana.

Program KEDAP diteruskan

Beliau turut menambah bahawa pembelajaran berlaku sepanjang hayat. Oleh itu KPM akan meneruskan program Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP), bagi menyediakan pendidikan asas 3M kepada ibu bapa yang buta huruf dalam masyarakat Orang Asli dan Penan. KEDAP yang diperkenalkan sejak tahun 2008, ketika ini dijalankan di 119 sekolah membabitkan 3,055 pelajar serta 357 guru.

Buat masa ini, KEDAP dijalankan di 11 buah sekolah di Selangor, 11 (Johor), 22 (Pahang), 4 (Negeri Sembilan), 2 (Terengganu), 10 (Kelantan), 28 (Perak), 13 (Sabah) dan 18 (Sarawak). Program ini penting dalam melihat hubungan rapat dijalin antara sekolah dan ibu bapa. KPM sebelum ini turut menyediakan elaun kehadiran, alat tulis, pakaian dan lawatan kepada ibu bapa daripada kalangan masyarakat Orang

Asli dan Penan.

Inisiatif ini dijalankan selepas jam 2 petang pada hari Selasa hingga Khamis pada April hingga November dan ia memberi impak positif dalam menggalakkan kehadiran pelajar Orang Asli ke sekolah memandangkan ibu bapa mereka turut berada di sekolah.

Sejajar dasar negara yang sedang menuju ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020, JAKOA dan badan kerajaan mahupun swasta diseru terus fokus membantu masyarakat Orang Asli dengan:

- Menambah baik prasarana perkampungan.
- Meningkatkan pendapatan isi rumah Orang Asli.
- Mengurangkan kadar keciciran pelajar Orang Asli.
- Membentuk Orang Asli yang berjaya dalam bidang pendidikan dan keusahawanan.
- Memperkasa teras modal insan masyarakat Orang Asli.

Di samping itu masyarakat Orang Asli juga perlu menggembleng tenaga agar agenda ini da-

pat direalisasikan. Terdapat banyak projek boleh dilaksanakan menerusi RISDA dan FELCRA bagi membangunkan ladang kelapa sawit dan getah. Projek ini adalah aktiviti utama yang boleh disertai mereka dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Masyarakat Orang Asli juga boleh memohon bantuan seperti peralatan jentera pertanian, bahan input perikanan, kelengkapan menangkap ikan, projek sayuran, tanaman keledak, tanaman limau nipis, ternakan ikan talapia, ternakan ayam kampung dan ternakan kambing.

Permohonan bagi penyertaan program ini boleh dipohon menerusi Pejabat Hal Ehwal Orang Asli di daerah dan senarai calon dan peserta yang berkelayakan akan dipanjangkan kepada urus setia peringkat Kementerian untuk diperakukan bantuan projek.



Dr Nurkhamimi Zainuddin,
Fakulti Pengajian
Bahasa Utama USIM.